

JIM sasar hantar pulang 250,000 Pati

Putrajaya: Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menasarkan kira-kira 250,000 pendatang asing tanpa izin (Pati) dihantar pulang ke negara asal menerusi Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dan Program Rekalibrasi Pulang.

Ketua Pengarah JIM Datuk Khairul Dzaimee Daud berkata, program yang dilaksanakan JIM dan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) bermula 16 November lalu itu sudah menerima 1,980 permohonan Pati dan 478 majikan.

Bagaimanapun, katanya, belum ada permohonan diluluskan setakat ini dan masih di peringkat penilaian, malah bermula Rabu lalu majikan serta Pati boleh membuat permohonan secara dalam talian melalui

portal rasmi JIM.

Beliau berkata, bagi Program Rekalibrasi Tengaga Kerja, majikan boleh membuat permohonan secara serentak melalui JIM dan permohonan kuota pekerja asing melalui JTK.

“Majikan yang ingin menghantar pekerja Pati pulang ke negara asal hendaklah memenuhi syarat ditetapkan iaitu pemegang pas lawatan sosial (PLS), pas lawatan kerja sementara (PLKS) dan pembantu rumah asing yang tinggal lebih masa, pemegang PLKS yang melanggar syarat pas serta mempunyai dokumen perjalanan masih sah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Ibu Pejabat JIM di Putrajaya di sini, semalam.